

## Huraian Tambahan

### (f) Dua item belanja terakru.

Untuk item ini, pelajar perlu mencipta dua item belanja terakru yang bersesuaian. Untuk mengenalpasti **item belanja** yang sesuai, pelajar perlu merujuk kepada bahagian kredit Buku Tunai (item pembayaran). Item yang bersesuaian untuk dijadikan pelarasan belanja terakru mungkin terdiri daripada pengiklanan, belanja am, insurans dan kadar bayaran. Contoh ayat pelarasan:

- f) i) Belanja \_\_\_\_\_ RM $xx$  masih terakru dalam bulan April.
- ii) Belanja \_\_\_\_\_ untuk bulan April RM $yy$  masih belum dibayar.

### Antara kesilapan pelajar:

Sebagai contoh, jika pelajar memilih kadar bayaran untuk dijadikan pelarasan terakru, pertama sekali rujuk dalam buku Tunai atau lejar, berapa kadar bayaran yang telah dibayar. Amaun yang telah dibayar ialah RM380. Jadi ayat pelarasan mesti mengambilkira amaun ini. Contoh ayat pelarasan yang **salah**:

**SALAH:** Jumlah kadar bayaran ialah RM1400. Kadar bayaran yang telah dijelaskan ialah RM1200.

**Komen:** Pertama sekali, amaun kadar bayaran yang diletakkan terlalu tinggi, tidak begitu logik untuk perniagaan milikan tunggal kecil-kecilan. Yang kedua, kalau pun amaun RM1 400 bil kadar bayaran itu betul, kesilapan ayat di atas ialah pada jumlah yang telah dijelaskan, bukan RM1 200. Kadar bayaran yang telah dijelaskan hanya RM380. Jadi yang masih terakru ialah RM1 020 (RM1 400 – RM380)

Seterusnya membuat catatan pelarasan:

JURNAL AM				JA3
Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2012 April 30	<Nama Belanja> <Nama Belanja> Terakru ( <i>merekod &lt;nama belanja&gt; terakru</i> )		$xx$	$xx$